

**KAEDAH VISUALISASI PERKATAAN HOMONIM
BAGI MENINGKATKAN KEMAHIRAN
MEMBINA AYAT BAHASA TAMIL
MURID TAHUN ENAM.**

KOGILA A/P SRIRAMAN

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2025**

**KAEDAH VISUALISASI PERKATAAN HOMONIM BAGI MENINGKATKAN
KEMAHIRAN MEMBINA AYAT BAHASA TAMIL
MURID TAHUN ENAM.**

KOGILA A/P SRIRAMAN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

MOD KERJA KURSUS

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025

**Sila tanda (v)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 22 (hari bulan) Disember (bulan) 2025

i. Perakuan pelajar :

Saya, KOGILA A/P SRIRAMAN (M20241001199) dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Kaedah Visualisasi Perkataan Homonim Bagi Meningkatkan Kemahiran Membina Ayat Bahasa Tamil Murid Tahun Enam adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



Kogila

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR.MUNIISVARAN KUMAR dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Kaedah Visualisasi Perkataan Homonim Bagi Meningkatkan Kemahiran Membina Ayat Bahasa Tamil Murid Tahun Enam dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Sarjana Pendidikan Bahasa Tamil.

23/12/2025

Tarikh

DR. MUNIISVARAN S/O KUMAR
SENIOR LECTURER
DEPARTMENT OF MODERN LANGUAGES,
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY,
TANJUNG MALIM, 35900
PERAK DARUL RIJAZAH,
MALAYSIA

Tandatangan Penyelia





INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: KAEDAH VISUALISASI PERKATAAN HOMONIM BAGI MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBINA
AYAT BAHASA TAMIL MURID TAHUN ENAM

No. Matrik /:
Matric's No.: M20241001199

Saya / I am: KOGILA A/P SRIRAMAN

(Nama Pelajar / Student's Name)


mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut: -
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik Universiti Pendidikan Sultan Idris.
The Thesis/Dissertation/Project Paper is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan rujukan dan pendidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and education.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The library has the right to make copies of the thesis/Dissertation/Project Paper for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below: -

	AKSES TERBUKA OPEN ACCESS	Saya bersetuju bahawa Tesis/Disertasi/Kertas Projek boleh diterbitkan sebagai salinan fizikal atau akses terbuka dalam talian. <i>I agree that the Thesis/Dissertation/Project Paper may be published as a physical copy or open access online.</i>
	*TERHAD *LIMITED	Mengandungi maklumat terhad seperti yang dinyatakan oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan dijalankan. (Perpustakaan akan menyekat akses sehingga ____ tahun). <i>Contains restricted information as specified by the organization/institution where the research was conducted. (Library will restrict access until ____ years).</i>
	*SULIT *CONFIDENTIAL	Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. <i>Contains confidential information under the Official Secrets Act 1972.</i>
	EMBARGO	Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini tertakluk kepada tempoh embargo selama 2 tahun atas sebab-sebab berikut: This Thesis/Dissertation/Project Paper is subject to an embargo period of 2 years for the following reasons:

*Nota / *Notes:

- i. Jika tiada pilihan yang ditandai, pilihan pertama akan dilaksanakan secara automatik.
If no option is marked, the first option will be automatically implemented.
- ii. Jika Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini dikategorikan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat dari pihak berkuasa/organisasi yang berkaitan dengan menyatakan alasan dan tempoh tesis ini perlu diklasifikasikan sebagai **TERHAD** atau **SULIT**. / If the Thesis/Dissertation/Project Paper is categorized as **CONFIDENTIAL** or **LIMITED**, kindly attach a letter from the relevant authority/organization stating the reason and duration for the thesis should be classified as **LIMITED** or **CONFIDENTIAL**.


(Tandatangan Pelajar/ Signature)


DR. MUNISVARAN S/O KUMAR
SENIOR LECTURER
DEPARTMENT OF MODERN LANGUAGES,
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY,
TANJONG MALIM, 35000
MALAYSIA
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh/Date: 22/12/2025

Tarikh/Date: 23/12/2025

PENGHARGAAN

Saya amat bersyukur kerana telah dapat menyiapkan kertas projek ini dengan jayanya walaupun telah mendepani pelbagai cabaran dan rintangan. Saya juga bersyukur kepada Tuhan kerana telah memberikan saya penuh keyakinan untuk menyiapkan tugas saya dengan lengkap.

Saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada Profesor Dr.Muniiswaran Kumar, selaku penyelia yang sentiasa memberikan bimbingan,didikan sokongan, panduan serta menjadi petunjuk ajar yang baik dalam menyempurnakan hasil tugas saya. Segala panduan, kaedah, semangat serta sokongan moral beliau mewujudkan inspirasi kepada saya untuk menjadi seorang penyeldik dan pendidik yang baik. Tidak lupakan juga barisan pensyarah dan staf teknikal di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang turut membantu saya dalam penghasilan kertas projek ini dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang penuh dikasihi, Encik Sriraman Gopal dan Puan Kamala Devi Kuppusamy yang sentiasa menjadi pegangan moral, pembimbing, pendorong, petunjuk ajar, pedoman hidup yang amat ternilai kepada saya. Ucapan terima kasih kepada suami tersayang, Encik Thamilmani Subramaniam dan ketiga-tiga anak, T.Mishanth, T.Thamiliniyaa dan T.Tamiloviya atas kesabaran, sokongan, bantuan, toleransi serta doa yang diberikan kepada saya sehingga



dapat menyempurnakan pengajian ini dengan jayanya. Segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini.

Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada saudara S.Muniandy dan T.Renuha serta rakan-rakan seperjuangan terutamanya yang sama-sama mengikuti Program Sarjana Pengurusan Pendidikan Mod cuti sekolah.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua pihak yang turut memberi kerjasama, sumbangan serta cadangan secara langsung dan tidak langsung dalam meyiapkan kertas projek ini dengan jayanya. Semoga penyelidikan ini dan kertas projek ini dapat dijadikan rujukan dan ilmu yang berguna untuk tatapan generasi yang akan datang.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan kaedah visualisasi perkataan homonim dalam meningkatkan kemahiran membina ayat Bahasa Tamil dalam kalangan murid Tahun Enam sekolah rendah. Isu penguasaan kosa kata, khususnya perkataan homonim yang mempunyai bentuk sama tetapi makna berbeza, sering menimbulkan kekeliruan dan menjejaskan keupayaan murid membina ayat yang tepat dan bermakna. Kekeliruan ini bukan sahaja mempengaruhi ketepatan makna ayat, malah turut memberi kesan kepada penguasaan tatabahasa dan kejelasan penulisan murid. Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti tahap penguasaan murid terhadap penggunaan homonim serta menilai sejauh mana pendekatan visualisasi dapat membantu murid memahami makna perkataan berdasarkan konteks yang betul. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kuasi eksperimen yang melibatkan dua kumpulan, iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Sampel kajian terdiri daripada murid Tahun Enam di sebuah sekolah rendah, di mana kumpulan rawatan menerima pengajaran menggunakan bahan bantu visual bagi membezakan makna perkataan homonim, manakala kumpulan kawalan mengikuti kaedah pengajaran konvensional. Instrumen kajian merangkumi ujian pra dan ujian pasca bagi mengukur tahap kemahiran membina ayat sebelum dan selepas intervensi dijalankan. Data yang diperoleh dianalisis untuk menilai perubahan pencapaian murid serta keberkesanan kaedah visualisasi yang digunakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid yang mengikuti pengajaran berasaskan visualisasi perkataan homonim mencatatkan peningkatan yang signifikan dalam kemahiran membina ayat berbanding murid kumpulan kawalan. Murid didapati lebih mampu membezakan makna homonim, memilih perkataan yang sesuai mengikut konteks dan menghasilkan ayat yang lebih jelas serta gramatis. Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa kaedah visualisasi merupakan satu pendekatan pedagogi yang berkesan dan praktikal untuk meningkatkan kemahiran menulis ayat Bahasa Tamil dalam kalangan murid Tahun Enam, serta berpotensi diaplikasikan secara meluas dalam pengajaran bahasa di sekolah rendah.





VISUALIZATION METHODS OF HOMONYMS TO IMPROVE TAMIL SENTENCE CONSTRUCTION SKILLS AMONG YEAR SIX STUDENTS

Abstract

This study aims to examine the effectiveness of a homonym visualization method in improving sentence construction skills in Tamil language learning among Year Six primary school students. Vocabulary mastery, particularly the understanding of homonyms that share the same spelling or pronunciation but carry different meanings, remains a major challenge for students. Misinterpretation of homonyms often leads to inaccurate sentence construction, unclear meaning, and grammatical errors in students' writing. Therefore, there is a clear need for an instructional approach that supports students in distinguishing meanings based on context and applying them accurately in sentence construction. This study employed a quantitative approach using a quasi experimental research design involving a treatment group and a control group. The sample consisted of Year Six students from a selected primary school. The treatment group was taught using a visualization based instructional method that incorporated visual aids such as images and contextual representations to differentiate the meanings of homonyms, while the control group received conventional instruction without visual support. Data were collected through pre test and post test assessments designed to measure students' sentence construction skills using homonyms. The findings revealed that students who received instruction through the homonym visualization method demonstrated a significant improvement in their ability to construct accurate and meaningful sentences compared to those in the control group. The use of visual aids helped students better understand contextual meanings, reduce confusion, and apply appropriate vocabulary in sentence writing. Overall, this study concludes that visualization based instruction is an effective and practical pedagogical approach for enhancing sentence construction skills in Tamil language learning at the primary school level. The findings provide valuable implications for teachers, curriculum planners, and educational stakeholders in strengthening vocabulary instruction and improving writing proficiency among primary school students.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv - v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii - xi
SENARAI JADUAL	xii -xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1 - 2
1.2 Latar Belakang Kajian	2 - 4
1.3 Pernyataan Masalah	5 - 8
1.4 Tujuan Kajian	8 - 9
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Persoalan Kajian	9 - 10
1.7 Kerangka Teori Kajian	10 - 12



1.8	Definisi Operasional	12
1.8.1	Kemahiran Menulis Ayat	12
1.8.2	Penguasaan Kosa Kata	12 - 13
1.8.3	Penguasaan Tatabahasa	13
1.8.4	Kaedah Pengajaran	14
1.8.5	Homonim	14 - 15
1.8.6	Bahan Bantu Visual	15
1.9	Batasan Kajian	15 - 16
1.10	Kepentingan Kajian	16 - 18
1.11	Rumusan Bab	18 - 19

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	20 - 21
2.2	Perkembangan Penyelidikan dalam Penguasaan Bahasa dan Penulisan	21
2.2.1	Penguasaan Kosa Kata dalam Pendidikan Bahasa	21 - 24
2.2.2	Kaitan Kosa Kata dengan Kemahiran Menulis Ayat	24 - 26
2.2.3	Peranan Tatabahasa dalam Pembentukan Struktur Ayat	26 - 28
2.3	Homonim dalam Pembelajaran Bahasa	28
2.3.1	Konsep dan Ciri Homonim dalam Linguistik	28 - 30
2.3.2	Cabaran Homonim dalam Pembelajaran Murid Sekolah Rendah	30 - 32
2.3.3	Dapatan Kajian Terkini Mengenai Homonim dan Implikasinya Terhadap Penulisan	32 - 35
2.4	Pendekatan Pedagogi dalam Pengajaran Kosa Kata dan Ayat	35 - 36
2.5	Pembelajaran Berasaskan Visual dalam Pendidikan Bahasa	37 - 38

2.6	Intervensi dalam Pembelajaran Bahasa dan Penulisan	38 - 40
2.7	Rumusan Bab	40

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	41 - 42
3.2	Pendekatan Kajian	42 - 44
3.3	Populasi dan Sampel/Peserta/Subjek/Kes	44 - 45
3.4	Instrumen Kajian	45 - 48
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	48 - 49
3.6	Kaedah/Teknik Menganalisis Data	50 - 51
3.7	Rumusan	51

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	52
4.2	Latar Belakang Responden Kajian	53
4.2.1	Profil Murid Kajian	53 - 54
4.2.2	Profil Guru Kajian	54 - 55
4.3	Dapatan Kajian Mengikut Objektif Kajian	56
4.4	Mengenalpasti Faktor-Faktor Utama Yang Mempengaruhi Kemahiran Menulis Ayat Berdasarkan Perkataan Homonim	56 - 60
4.5	Pemarkahan Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	60 - 61
4.5.1	Markah Ujian Pra Bagi Kumpulan Kawalan dan Eksperimen	62
4.5.2	Markah Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan dan Eksperimen	63

4.6	Keberkesanan Intervensi Visualisasi Homonim	64
	Dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Ayat	
4.6.1	Ujian t-Sampel Berpasangan Bagi Kumpulan Kawalan	64 - 68
4.6.2	Ujian t-Sampel Berpasangan Bagi Kumpulan Rawatan	68 - 72
4.6.3	Ujian t-Dua Sampel Bebas	72 - 75
4.7	Rumusan Bab	75 - 76

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	77
5.2	Rumusan Keseluruhan Dapatan Kajian	77 - 78
5.3	Perbincangan Dapatan Berdasarkan Objektif Kajian	78
5.3.1	Objektif Kajian 1	78 - 81
5.3.2	Objektif Kajian 2	81 - 84
5.3.3	Objektif/Persoalan Kajian 3	84 - 86
5.4	Implikasi Kajian	87 - 89
5.5	Sumbangan dan Inovasi Kajian	89 - 91
5.6	Batasan Kajian	92 - 93
5.7	Cadangan Kajian Masa Hadapan	93 - 95
5.8	Kesimpulan Bab	95 - 96

RUJUKAN	97 - 103
----------------	----------

LAMPIRAN	103 - 105
-----------------	-----------



SENARAI JADUAL

No.Jadual

3.1	Instrumen Kajian Bagi Faktor-Faktor Utama Yang Mempengaruhi Kemahiran Menulis Ayat Berdasarkan Perkataan Homonim Dalam Kalangan Murid Tahun Enam	47 - 48
4.1	Profil Demografi Murid Kajian	54
4.2	Profil Guru Bahasa Tamil yang Terlibat dalam Kajian	55
4.3	Analisis Soal Selidik Guru Mengenai Faktor yang Mempengaruhi Kemahiran Menulis Ayat Berdasarkan Perkataan Homonim	58 - 60
4.4	Tahap Penguasaan Bahagian A	61
4.5	Tahap Penguasaan Bahagian B	61
4.6	Markah Ujian Pra bagi Kumpulan Kawalan dan Eksperimen	62
4.7	Markah Ujian Pasca bagi Kumpulan Kawalan dan Eksperimen	64
4.8	Min, Sisihan Piawai dan Ralat Piawai Markah Ujian Pra dan Pasca bagi Kumpulan Kawalan	65
4.9	Korelasi Antara Markah Ujian Pra dan Pasca bagi Kumpulan Kawalan	66
4.10	Keputusan Ujian-t Sampel Berpasangan bagi Kumpulan Kawalan	67
4.11	Saiz Kesan bagi Ujian-t Sampel Berpasangan Kumpulan Kawalan	68



4.12	Min, Sisihan Piawai dan Ralat Piawai Markah Ujian Pra dan Pasca bagi Kumpulan Rawatan	69
4.13	Korelasi Antara Markah Ujian Pra dan Pasca bagi Kumpulan Rawatan	70
4.14	Keputusan Ujian-t Sampel Berpasangan bagi Kumpulan Rawatan	71
4.15	Saiz Kesan bagi Ujian-t Sampel Berpasangan Kumpulan Rawatan	72
4.16	Perbandingan Min Markah Ujian Pasca Antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	73
4.17	Keputusan Ujian-t Dua Sampel Bebas bagi Perbandingan Markah Ujian Pasca Antara Kumpulan Kawalan dan Rawatan	74
4.18	Saiz Kesan bagi Ujian-t Dua Sampel Bebas Antara Kumpulan Kawalan dan Rawatan	75

SENARAI RAJAH

No.Rajah

Muka Surat

3.1 Reka Bentuk Kajian

45

SENARAI SINGKATAN

AR	Argumented Reality
VKS	<i>Vocabulary Knowledge Scale</i>
ESL	English As A Second Language
EFL	English As A Foreign Language
ZPD	Zon Pembangunan Proximal
AILeaD	Augmented Reality Immersive Learning Design
VH	Vocabulary Haxagon
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PDPC	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil

SENARAI LAMPIRAN

A Ujian Menulis Ayat

Bahagian A – Ujian Penilaian 7 Item

Tahap Penguasaan Bahagian A

Bahagian B – Ujian Penilaian 7 Item

Tahap Penguasaan Bahagian B



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Isu penguasaan kosa kata dan kemahiran membina ayat merupakan satu cabaran utama dalam pembelajaran bahasa di peringkat sekolah rendah. Murid yang tidak memahami makna perkataan mengikut konteks sering menghadapi kesukaran untuk mengekspresikan idea serta membina ayat yang tepat dan bernas (Ariffin et al., 2022; Wen, 2024). Cabaran ini menjadi lebih ketara apabila melibatkan perkataan homonim, iaitu perkataan yang mempunyai ejaan atau bunyi yang sama tetapi membawa makna yang berbeza, sehingga menimbulkan kekeliruan dalam kalangan murid (Aguiar, 2025). Dalam konteks pembelajaran Bahasa Tamil bagi murid Tahun Enam, kegagalan membezakan makna perkataan homonim berpotensi menyebabkan murid menghasilkan ayat yang kurang jelas dan tidak tepat.

Seiring dengan perkembangan pendekatan pengajaran berasaskan visualisasi dan teknologi pendidikan, wujud potensi untuk meningkatkan penguasaan kosa kata dan kemahiran membina ayat dalam kalangan murid. Pendekatan visualisasi didapati membantu murid memahami makna perkataan dengan lebih konkrit serta menyokong





pembinaan ayat yang lebih sistematik (Weerasinghe et al., 2022; Lampai & Sukying, 2023; Wen, 2024). Oleh itu, pendekatan visualisasi wajar diteroka dalam pengajaran Bahasa Tamil, khususnya bagi topik homonim yang kerap menimbulkan kekeliruan.

Kajian ini memfokuskan pelaksanaan intervensi pengajaran yang menggunakan visualisasi perkataan homonim serta aktiviti pembinaan ayat dalam kalangan murid Tahun Enam sekolah rendah. Skop kajian merangkumi pengenalan perkataan homonim dalam Bahasa Tamil, penggunaan bahan bantu visual untuk membezakan makna perkataan, dan latihan membina ayat berdasarkan konteks yang sesuai. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap penguasaan murid terhadap perkataan homonim, menganalisis faktor yang mempengaruhi kemahiran membina ayat, serta menilai keberkesanan pendekatan visualisasi dalam meningkatkan kemahiran tersebut (Ariffin et al., 2023; Lampai & Sukying, 2023).



1.2 Latar Belakang Kajian

Kemahiran membina ayat yang tepat dan penguasaan kosa kata yang mendalam merupakan dua komponen asas dalam pembelajaran bahasa yang berkesan. Tanpa pemahaman yang jelas terhadap makna dan penggunaan perkataan, murid akan menghadapi kesukaran ketika menulis atau berbicara dalam bahasa sasaran (Eskandari et al., 2024). Dalam amalan bilik darjah, guru kerap melaporkan bahawa kesilapan pembinaan ayat murid bukan sahaja berpunca daripada kelemahan tatabahasa, malah berkait rapat dengan kekeliruan penggunaan kosa kata yang mempunyai bentuk sama atau serupa, seperti homonim atau perkataan yang mempunyai bunyi dan tulisan yang sama tetapi membawa makna berlainan (Parent et al., 2023). Penyelidikan linguistik turut



menunjukkan bahawa dalam bahan bacaan sekolah rendah, perkataan homonim jarang dikendalikan secara eksplisit, menyebabkan murid memperoleh makna yang tidak konsisten atau tersalah tafsir (Parent et al., 2023). Dalam konteks pembelajaran Bahasa Tamil di sekolah rendah di Malaysia, keadaan ini menjadi lebih ketara kerana unsur homonim masih kurang diberi penekanan dalam silibus dan aktiviti pengajaran, sekali gus mendedahkan murid kepada kesilapan makna dan pembinaan ayat yang kurang tepat.

Pada masa yang sama, perkembangan teknologi pendidikan dan pendekatan pedagogi berasaskan visual menunjukkan potensi besar dalam menyokong pembelajaran kosa kata. Beberapa kajian menunjukkan bahawa strategi visual seperti rekaan gambar, penggunaan sinonim dan antonim, serta media visual-spasial dapat membantu murid memahami makna perkataan dengan lebih jelas dan mengurangkan kekeliruan makna (Rousoulioti & Seferiadou, 2023; Salazar & Luzdelia, 2024). Pendekatan visual bukan sahaja menghubungkan bentuk perkataan dengan makna sebenar, malah berupaya menyokong proses pembinaan ayat secara lebih bermakna.

Selain itu, pengajaran kosa kata yang berkesan turut memerlukan pengaplikasian makna perkataan melalui aktiviti pembinaan ayat yang menekankan konteks penggunaan.

Kajian menunjukkan bahawa murid yang terlibat secara aktif dalam perbincangan makna dan pembinaan ayat menunjukkan peningkatan pengetahuan kosa kata yang lebih mampan (Duran, 2023). Namun demikian, apabila perkataan homonim digunakan tanpa pemahaman konteks yang jelas, murid cenderung menghasilkan ayat yang tidak tepat dari segi makna. Keadaan ini diburukkan lagi apabila bahan bacaan sekolah mempersembahkan perkataan homonim sebagai satu unit tanpa pengkhususan makna, menyebabkan murid membina pemahaman yang terhad atau salah (Parent et al., 2023). Oleh itu, terdapat



keperluan terhadap intervensi khusus yang memberi peluang kepada murid membezakan makna homonim melalui visualisasi dan aktiviti pembinaan ayat yang terancang.

Kajian semasa juga menunjukkan bahawa tugas berasaskan penulisan dan pembinaan ayat memberi kesan yang lebih signifikan terhadap penguasaan kosa kata berbanding tugas pasif seperti pembacaan atau isian kosong (Eskandari et al., 2024). Walau bagaimanapun, masih terdapat kekurangan kajian yang meneliti penggunaan homonim secara khusus dalam konteks Bahasa Tamil di sekolah rendah, sedangkan kebanyakan kajian terdahulu tertumpu kepada bahasa Inggeris atau bahasa asing lain.

Berdasarkan keadaan tersebut, wujud jurang yang jelas antara keperluan penguasaan kosa kata homonim dengan amalan pengajaran Bahasa Tamil di sekolah rendah. Kekeliruan makna perkataan homonim, kekurangan pengajaran eksplisit serta potensi pendekatan visual yang masih kurang diterokai menjadi asas kepada pelaksanaan kajian ini. Kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan kaedah visualisasi perkataan homonim dalam membantu murid Tahun Enam menguasai kemahiran membina ayat Bahasa Tamil. Skop kajian merangkumi pengenalan perkataan homonim, penggunaan bahan bantu visual seperti gambar atau ilustrasi untuk membezakan makna, serta latihan aktif pembinaan ayat oleh murid. Dengan menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen, kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran empirikal kepada guru Bahasa Tamil dan pihak sekolah tentang strategi pengajaran kosa kata yang lebih berkesan dan boleh diaplikasikan secara langsung di bilik darjah.



1.3 Pernyataan Masalah

Kemahiran menulis ayat merupakan satu aspek asas dan penting dalam pembelajaran bahasa di sekolah rendah kerana kemahiran ini bukan sahaja membolehkan murid menyampaikan idea dan pemikiran secara bertulis, malah menjadi asas kepada penguasaan kemahiran penulisan yang lebih kompleks seperti karangan dan esei. Namun demikian, dalam konteks pembelajaran Bahasa Tamil, khususnya dalam kalangan murid Tahun Enam, kemahiran membina ayat didapati masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Dapatan empirikal menunjukkan bahawa murid sekolah rendah yang mempunyai penguasaan kosa kata yang rendah cenderung melakukan lebih banyak kesilapan tatabahasa dan ejaan dalam penulisan mereka, sekali gus menjejaskan kejelasan dan ketepatan ayat yang dihasilkan (Incognito et al., 2023). Keadaan ini menimbulkan persoalan mengapa murid Tahun Enam Bahasa Tamil masih menghadapi kesukaran untuk membina ayat yang tepat dan bermakna walaupun telah melalui beberapa tahun pembelajaran bahasa di sekolah rendah.

Pelbagai kajian menunjukkan bahawa penguasaan kosa kata merupakan faktor kritikal yang mempengaruhi kebolehan menulis. Pengajaran eksplisit kosa kata, termasuk aspek morfologi dan penggunaan strategi konteks, didapati memberi kesan yang signifikan terhadap peningkatan hasil penulisan murid (Zeng et al., 2025). Kajian longitudinal di sekolah rendah juga menunjukkan bahawa peningkatan kompetensi leksikal berkait rapat dengan pengurangan kesilapan dalam kemahiran membaca dan menulis murid (Incognito et al., 2023). Dalam konteks murid Tahun Enam Bahasa Tamil, kekurangan penguasaan kosa kata bukan sahaja membataskan pilihan perkataan semasa menulis, malah



meningkatkan risiko kesilapan makna dan struktur ayat, sekali gus menjejaskan mutu pembinaan ayat secara keseluruhan.

Selain kelemahan dalam penguasaan kosa kata, murid Tahun Enam Bahasa Tamil turut berdepan dengan cabaran dalam penguasaan tatabahasa dan struktur ayat yang tepat. Penulisan murid sering menunjukkan kesilapan seperti susunan subjek dan predikat yang tidak tepat, penggunaan imbuhan yang salah, serta pembentukan ayat yang tidak lengkap dan terputus-putus. Kajian di Malaysia mendapati bahawa kekurangan penguasaan tatabahasa dan struktur ayat merupakan antara masalah utama dalam penulisan murid sekolah rendah (Austrus et al., 2025). Keadaan ini menjadi lebih ketara dalam pembelajaran Bahasa Tamil apabila murid gagal mengintegrasikan pengetahuan kosa kata dan tatabahasa secara serentak dalam pembinaan ayat yang bermakna.



Di samping itu, faktor kaedah pengajaran dan penggunaan bahan bantu oleh guru turut mempengaruhi kelemahan kemahiran menulis ayat murid. Pendekatan pengajaran yang berpusatkan guru atau berasaskan hafalan semata-mata didapati kurang berkesan dalam meningkatkan kemahiran menulis pelajar (Hadley et al., 2022). Kajian di Malaysia menunjukkan bahawa walaupun guru menggunakan pelbagai strategi pengajaran kosa kata, pelaksanaan kaedah yang lebih sistematik dan interaktif masih terhad (Fikri & Irwandi, 2024). Dalam konteks pengajaran Bahasa Tamil di sekolah rendah, kekurangan penggunaan bahan bantu visual serta aktiviti pembinaan ayat yang berfokus kepada penggunaan perkataan mengikut konteks, khususnya perkataan homonim, berpotensi melemahkan penguasaan kemahiran menulis ayat murid.

Masalah ini menjadi lebih kompleks apabila melibatkan kekeliruan makna perkataan homonim, iaitu perkataan yang mempunyai ejaan atau bunyi yang sama tetapi





membawa makna yang berbeza bergantung kepada konteks. Kajian menunjukkan bahawa murid sering mengalami gangguan pemahaman apabila berhadapan dengan homonim tanpa bimbingan yang mencukupi (Law, 2022). Penyelidikan dalam konteks murid ESL juga mendapati bahawa homonim menyumbang kepada kekeliruan dalam kemahiran mendengar, memahami, membaca dan menulis (Hussein, 2024). Dalam pembelajaran Bahasa Tamil, kegagalan mengendalikan penggunaan homonim secara eksplisit boleh menyebabkan murid Tahun Enam menghasilkan ayat yang tidak tepat dari segi makna, sekali gus menjejaskan kejelasan penulisan mereka.

Selain itu, pendedahan murid kepada bahan bacaan dan persekitaran pembelajaran bahasa yang kaya masih terhad di kebanyakan sekolah rendah, termasuk dalam pembelajaran Bahasa Tamil. Kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahan pembelajaran berasaskan teknologi seperti realiti terimbuhan dan bantuan visual dapat meningkatkan penguasaan kosa kata serta kemahiran menulis murid (Weerasinghe et al., 2022). Namun, kajian tempatan menunjukkan bahawa walaupun intervensi menggunakan bahan bantu seperti “Vocabulary Hexagon”(VH) telah dijalankan, pelaksanaannya masih belum sistematik dan meluas (Lee & Kamrozzaman, 2024). Keadaan ini menjadi lebih membimbangkan apabila rekod prestasi menunjukkan bahawa murid Tahun Enam masih kerap mencatatkan tahap kemahiran menulis yang rendah dalam Bahasa Tamil atau bahasa kedua dan ketiga mereka. Walaupun data khusus bagi Bahasa Tamil adalah terhad, kajian merentas bahasa menunjukkan bahawa penulisan merupakan antara kemahiran paling sukar untuk dikuasai oleh murid sekolah rendah (González-Díaz, 2025). Selaras dengan itu, kurikulum kebangsaan turut menekankan kepentingan kemahiran menulis sebagai tunjang literasi bahasa (Lee & Kamrozzaman, 2024).



Berdasarkan perbincangan tersebut, dapat dikenal pasti bahawa masih terdapat kekurangan kajian yang meneliti intervensi pengajaran secara khusus bagi meningkatkan kemahiran menulis ayat Bahasa Tamil dalam kalangan murid Tahun Enam. Walaupun kajian berkaitan kosa kata dan penulisan telah banyak dijalankan dalam bahasa Inggeris dan Melayu, kajian yang memfokuskan penggunaan homonim Bahasa Tamil serta peranan visualisasi dalam pembinaan ayat masih terhad. Sebagai contoh, kajian korpus homonim di Malaysia lebih tertumpu kepada konteks ESL Bahasa Inggeris dan belum merangkumi Bahasa Tamil secara khusus (Qin, 2022). Begitu juga, penggunaan bahan bantu visual dalam pengajaran Bahasa Tamil masih kurang didokumentasikan secara empirikal.

Oleh itu, terdapat keperluan yang jelas untuk menjalankan kajian yang menilai faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran menulis ayat murid Tahun Enam Bahasa Tamil serta menilai keberkesanan intervensi pengajaran yang menggunakan visualisasi perkataan homonim dan aktiviti pembinaan ayat. Kajian ini diharapkan dapat memberikan implikasi praktikal kepada guru, penggubal dasar pendidikan dan perancang kurikulum dalam usaha memperkukuh strategi pengajaran Bahasa Tamil di sekolah rendah.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti secara menyeluruh faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran menulis ayat dalam kalangan murid Tahun Enam, khususnya dari aspek penguasaan kosa kata, penguasaan tatabahasa serta keberkesanan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru. Kajian ini juga bertujuan menilai tahap penguasaan murid dalam membina ayat yang tepat dan bermakna, di samping mengenal pasti kesilapan umum yang berlaku dalam proses pembinaan ayat. Selain itu, kajian ini dilaksanakan bagi

membangunkan dan menilai keberkesanan intervensi yang melibatkan penggunaan perkataan homonim dan bahan bantu visual bagi membantu murid memahami makna perkataan dengan lebih tepat serta membina ayat berdasarkan konteks yang betul. Secara keseluruhan, kajian ini dijalankan untuk menyumbang kepada amalan pedagogi yang lebih berkesan dalam pengajaran Bahasa Tamil dan seterusnya meningkatkan kemahiran menulis ayat murid Tahun Enam secara holistik.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengenal pasti faktor-faktor utama mempengaruhi kemahiran menulis ayat berdasarkan perkataan homonim dalam kalangan murid Tahun Enam, termasuk tahap penguasaan kosa kata, penguasaan tatabahasa, dan kaedah pengajaran.
- ii. Untuk menilai tahap penguasaan kemahiran menulis ayat berdasarkan perkataan homonim dalam kalangan murid Tahun Enam.
- iii. Untuk meningkatkan kemahiran menulis ayat Bahasa Tamil berdasarkan perkataan homonim dalam kalangan murid Tahun Enam.

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif yang telah digariskan, persoalan kajian ini ialah:

- i. Apakah faktor-faktor utama mempengaruhi kemahiran menulis ayat berdasarkan perkataan homonim dalam kalangan murid Tahun Enam, termasuk tahap penguasaan kosa kata, penguasaan tatabahasa, dan kaedah pengajaran?

- ii. Apakah tahap penguasaan kemahiran menulis ayat berdasarkan perkataan homonim dalam kalangan murid Tahun Enam?
- iii. Sejauh manakah intervensi yang berfokus pada penggunaan makna perkataan yang betul dapat meningkatkan kemahiran menulis ayat Bahasa Tamil dalam kalangan murid Tahun Enam?

1.7 Kerangka Teori Kajian

Kajian ini berasaskan dua kerangka teori utama yang menyokong analisis kemahiran menulis ayat dalam kalangan murid Tahun Enam: (i) teori konstruktivisme sosial daripada Lev Vygotsky dan (ii) teori pemerolehan kosa kata serta pembelajaran berasaskan visual. Kedua-dua teori ini digabungkan untuk membina rangka konseptual yang menerangkan bagaimana faktor-faktor seperti penguasaan kosa kata, tatabahasa dan kaedah pengajaran boleh mempengaruhi kemahiran membina ayat.

Pertama, teori konstruktivisme sosial Vygotsky menekankan bahawa pembelajaran berlaku melalui interaksi sosial, budaya dan penggunaan alat budaya (mediation) dalam zon pembangunan proksimal (ZPD) murid-murid. Dalam konteks pembelajaran bahasa, murid-murid membina kefahaman kosa kata dan tatabahasa melalui bimbingan guru atau rakan sebaya, dan kemudian mengaplikasikannya sendiri (Wibowo et al., 2024). Kerangka ini relevan kerana murid Tahun Enam memerlukan bimbingan guru dalam membezakan makna perkataan homonim dan seterusnya membina ayat yang tepat. Apabila bahan bantu visual atau aktiviti pedagogi interaktif digunakan, guru bertindak sebagai ‘mediator’ dalam ZPD untuk menyokong pembinaan makna dan struktur ayat.

Kedua, teori pembelajaran kosa kata dan makna perkataan menyokong aspek penguasaan kosa kata yang menjadi salah satu faktor utama kajian ini. Kajian terkini menyatakan bahawa pengajaran eksplisit kosa kata dengan sambungan ke skema mental pelajar mempercepat pemerolehan kosa kata dan meningkatkan penggunaan dalam penulisan (Zeng et al., 2025). Pedagogi kosa kata yang memberi pendedahan melalui konteks, visualisasi dan aktiviti aktif membantu murid dalam membina pemahaman mendalam yang boleh diaplikasikan semasa menulis (Quoc & Van, 2023). Dalam kajian ini, pendekatan visualisasi membantu murid membezakan makna, mengurangkan kekeliruan dan seterusnya mempertingkatkan kebolehan membina ayat.

Gabungan kedua-kerangka ini memberikan asas teori kuat bagi kajian ini: murid membina pengetahuan kosa kata dan tatabahasa melalui interaksi sosial dan pembelajaran aktif (konstruktivisme sosial), dan kemudian aplikasi aktiviti berasaskan kosa kata dan visualisasi menyokong penggunaan praktikal dalam menulis ayat. Dalam kerangka konseptual yang dicadangkan, tiga pemboleh ubah utama (penguasaan kosa kata, penguasaan tatabahasa dan struktur ayat, serta kaedah pengajaran/bahan bantu) dihubungkan dengan hasil kemahiran menulis ayat murid. Guru dan bahan bantu berfungsi sebagai ‘mediator’ dalam proses ZPD, manakala kosa kata dan tatabahasa membentuk tapak pengetahuan yang kemudiannya diaplikasikan dalam ayat yang dibina oleh murid.

Secara ringkasnya, kerangka teori kajian ini merumuskan bahawa kemahiran menulis ayat murid Tahun Enam dipengaruhi oleh tahap pengetahuan kosa kata dan tatabahasa mereka serta kaedah pengajaran yang digunakan, dimana pembelajaran yang dibimbing, sosial dan visualisasi memberi peranan penting dalam proses penukaran makna ke dalam teks bertulis. Dengan demikian, kajian ini menawarkan pendekatan yang

menyepadukan teori pembelajaran bahasa dan praktik kelas untuk memberi pemahaman yang mendalam tentang bagaimana faktor-faktor tersebut berfungsi dalam konteks pengajaran Bahasa Tamil di sekolah rendah.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Kemahiran Menulis Ayat

Dalam kajian ini, kemahiran menulis ayat ditakrifkan sebagai kemampuan murid membina ayat yang lengkap, gramatis dan tepat dari segi makna berdasarkan konteks tugas penulisan. Kemahiran ini merangkumi keupayaan memilih perkataan yang sesuai, menggunakan struktur ayat yang betul dan menyampaikan makna secara jelas. Menurut Vandermeulen et al. (2023), kemahiran menulis melibatkan proses kognitif kompleks yang menggabungkan pengetahuan linguistik, pemikiran terancang dan penerapan tatabahasa. Kajian oleh Malpique et al. (2023) turut menegaskan bahawa murid sekolah rendah sering memerlukan sokongan eksplisit dalam kemahiran menulis kerana penulisan merupakan kemahiran literasi yang paling mencabar. Oleh itu, dalam konteks kajian ini, kemahiran menulis ayat merujuk kepada tahap kebolehan murid Tahun Enam menghasilkan ayat yang tepat dari segi struktur, makna dan fungsi.

1.8.2 Penguasaan Kosa Kata

Penguasaan kosa kata merujuk kepada keluasan dan kedalaman pengetahuan murid terhadap makna perkataan, penggunaan dalam konteks serta hubungan semantik antara perkataan. Dalam kajian ini, kosa kata difokuskan kepada perkataan yang kerap digunakan



dalam kurikulum Bahasa Tamil Tahun Enam, termasuk perkataan homonim yang membawa lebih daripada satu makna. Menurut Zeng et al. (2025), perkembangan kosa kata yang kukuh secara langsung meningkatkan prestasi penulisan kerana murid lebih mampu memilih perkataan yang tepat untuk menyampaikan makna. Kajian sistematik oleh Quoc and Van (2023) pula mendapati bahawa pelajar yang menerima pengajaran kosa kata secara eksplisit menunjukkan prestasi lebih tinggi dalam aktiviti menulis. Maka, penguasaan kosa kata dalam kajian ini diukur melalui keupayaan murid menggunakan perkataan yang sesuai dan tepat dalam penulisan ayat.

1.8.3 Penguasaan Tatabahasa



Dalam kajian ini, penguasaan tatabahasa merujuk kepada kemampuan murid memahami dan mengaplikasikan peraturan struktur ayat, penggunaan imbuhan, kedudukan frasa serta hubungan sintaksis antara unsur ayat. Tatabahasa dilihat sebagai asas pembentukan ayat dan kualiti penulisan. Menurut Austrus et al. (2025), kelemahan tatabahasa merupakan penyumbang utama kesilapan penulisan dalam kalangan murid sekolah rendah, terutamanya dalam aspek subjek–predikat dan penggunaan imbuhan. Sementara itu, kajian Malpique et al. (2023) menunjukkan bahawa guru sering memberi tumpuan tambahan kepada tatabahasa kerana ia menjadi cabaran konsisten bagi penulis muda. Justeru, penguasaan tatabahasa dalam kajian ini ditentukan melalui keupayaan murid membina ayat gramatis dan bebas daripada kesalahan sintaksis.





1.8.4 Kaedah Pengajaran

Kaedah pengajaran ditakrifkan sebagai pendekatan, strategi dan teknik yang digunakan guru bagi membantu murid memahami konsep bahasa termasuk kosa kata, tatabahasa dan pembinaan ayat. Dalam konteks kajian ini, kaedah pengajaran merangkumi penggunaan bahan bantu visual, aktiviti interaktif dan pengajaran eksplisit mengenai makna perkataan. Menurut Kho (2023), keberkesanan pengajaran bahasa sangat bergantung kepada kesesuaian strategi pedagogi yang dipilih oleh guru, khususnya dalam membantu murid yang lemah dalam kosa kata. Selain itu, kajian Weerasinghe et al. (2022) mendapati bahawa penggunaan media visual seperti teknologi AR meningkatkan pemahaman makna perkataan seterusnya membantu murid menulis dengan lebih tepat. Maka, kaedah pengajaran dalam kajian ini merujuk kepada pendekatan guru yang menyokong peningkatan kemahiran menulis ayat.



1.8.5 Homonim

Homonim dalam kajian ini merujuk kepada perkataan yang mempunyai ejaan atau sebutan yang sama tetapi membawa makna yang berbeza berdasarkan konteks ayat. Homonim dijadikan fokus kerana murid Tahun Enam kerap melakukan kesilapan semantik apabila tidak memahami konteks penggunaan yang betul. Menurut Rousoulioti and Seferiadou (2023), pelajar sering keliru ketika berhadapan dengan perkataan yang mempunyai makna berganda, menyebabkan kesalahan dalam membaca dan menulis. Kajian lain oleh Wibowo et al. (2025) mendapati bahawa kekeliruan homonim memberi kesan langsung kepada kemahiran menulis kerana murid cenderung memilih makna yang salah. Oleh itu, dalam



kajian ini, homonim ditakrifkan sebagai unit leksikal yang perlu dijelaskan melalui pengajaran eksplisit dan visualisasi.

1.8.6 Bahan Bantu Visual

Bahan bantu visual merujuk kepada ilustrasi, gambar, grafik atau representasi visual yang digunakan untuk membantu murid memahami konsep kosa kata dan membina ayat yang tepat. Dalam kajian ini, bahan visual digunakan untuk membezakan makna homonim, menghubungkan perkataan dengan situasi sebenar dan memberi rangsangan kepada murid untuk membina ayat. Weerasinghe et al. (2022) melaporkan bahawa visualisasi meningkatkan pemahaman makna, manakala Lee dan Kamrozzaman (2024) mendapati bahawa penggunaan alat visual seperti “Vocabulary Hexagon” (VH) membantu murid menggunakan perkataan dengan lebih tepat dalam penulisan. Justeru, bahan bantu visual berfungsi sebagai sokongan pedagogi yang meningkatkan kefahaman murid terhadap hubungan makna dalam bahasa.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini dibatasi oleh skop pelaksanaannya yang tertumpu kepada murid Tahun Enam di sebuah sekolah rendah tertentu dan melibatkan fokus khusus pada kemahiran menulis ayat Bahasa Tamil, khususnya dalam penggunaan makna perkataan homonim. Intervensi pengajaran yang digunakan juga terbatas kepada strategi berasaskan visual dan pengajaran eksplisit kosa kata, tanpa merangkumi pendekatan pedagogi lain seperti penulisan proses atau penilaian berasaskan portfolio. Dari segi data, kajian ini bergantung pada instrumen ujian pra dan pasca serta pemerhatian terancang, yang mungkin tidak menangkap

keseluruhan variasi tingkah laku pembelajaran murid dalam situasi sebenar bilik darjah. Selain itu, faktor luar seperti sokongan keluarga, pendedahan bahasa di rumah dan minat murid terhadap penulisan tidak diteliti secara mendalam walaupun berpotensi mempengaruhi hasil pembelajaran. Oleh itu, dapatan kajian perlu ditafsir dalam konteks batasan-batasan ini dan tidak digeneralisasikan secara meluas kepada populasi yang lebih besar tanpa pertimbangan yang sewajarnya.

1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan signifikan yang memberi impak langsung dan tidak langsung kepada pelbagai pihak yang terlibat dalam proses pendidikan bahasa, khususnya Bahasa Tamil di sekolah rendah. Pertama, kajian ini memberikan manfaat besar kepada murid, kerana intervensi yang dijalankan membantu mereka menguasai kemahiran menulis ayat dengan lebih sistematik melalui pemahaman makna perkataan yang tepat, termasuk perkataan homonim yang sering mengelirukan. Dengan peningkatan penguasaan kosa kata, tatabahasa dan kejelasan makna, murid dapat menulis ayat dengan lebih yakin, jelas dan gramatis, sekali gus meningkatkan prestasi akademik mereka dalam mata pelajaran Bahasa Tamil dan menyokong perkembangan literasi secara menyeluruh.

Kedua, kajian ini memberi sumbangan penting kepada guru, khususnya dalam memperkaya strategi pengajaran bahasa. Melalui dapatan kajian ini, guru dapat memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran menulis ayat murid serta memperoleh kaedah pengajaran yang lebih berkesan, khususnya penggunaan bahan bantu visual dalam menjelaskan makna perkataan yang mempunyai pelbagai maksud. Selain itu, kajian ini membekalkan guru dengan bukti

empirikal yang boleh dijadikan asas amalan pedagogi yang inovatif dan responsif terhadap cabaran sebenar murid di bilik darjah, serta menyokong peranan guru sebagai pemudah cara dalam proses pembelajaran.

Ketiga, kajian ini turut memberi manfaat kepada sekolah sebagai organisasi pendidikan, kerana peningkatan kemahiran menulis dalam kalangan murid mencerminkan keberkesanan tahap pengajaran dan pembelajaran di sekolah tersebut. Dapatan kajian boleh digunakan sebagai asas untuk merangka program penambahbaikan, menyediakan latihan profesional kepada guru, serta memperkukuh perancangan kurikulum sekolah dalam aspek literasi. Melalui pelaksanaan intervensi yang terbukti berkesan, sekolah dapat meningkatkan kualiti pencapaian keseluruhan murid, sekali gus menyumbang kepada reputasi dan kecemerlangan institusi.

Keempat, kajian ini juga bermanfaat kepada agensi berkaitan dan pembuat dasar pendidikan, seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) nserta badan perancang kurikulum. Maklumat empirikal daripada kajian ini boleh membantu dalam penyediaan garis panduan atau standard pengajaran Bahasa Tamil, khususnya dalam aspek penguasaan kosa kata dan penulisan ayat. Selain itu, dapatan kajian boleh dijadikan rujukan dalam merangka modul latihan keguruan, pembinaan bahan pengajaran, serta penyediaan dasar yang menyokong pengajaran bahasa yang lebih efektif dan bersifat inklusif.

Akhir sekali, kajian ini memberi sumbangan yang signifikan kepada perkembangan ilmu dalam bidang linguistik pendidikan dan pedagogi bahasa, khususnya dalam konteks bahasa minoriti seperti Bahasa Tamil di Malaysia. Kajian berkaitan homonim, kosa kata dan struktur ayat masih kurang diterokai secara mendalam dalam konteks tempatan, oleh

itu kajian ini mengisi jurang penyelidikan dengan menyediakan bukti baharu tentang keberkesanan penggunaan visualisasi dan pengajaran eksplisit dalam pembelajaran bahasa. Dapatan yang dihasilkan bukan sahaja menambah kepada literatur sedia ada malah membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan dalam bidang pemerolehan bahasa, strategi pengajaran inovatif dan literasi pelbagai bahasa di peringkat sekolah rendah.

1.11 Rumusan Bab

Secara keseluruhan, bab ini telah menghuraikan asas konseptual dan rasional pelaksanaan kajian yang menumpukan kepada isu penguasaan kosa kata serta kemahiran membina ayat dalam kalangan murid Tahun Enam, khususnya berkaitan kekeliruan penggunaan perkataan homonim dalam pembelajaran Bahasa Tamil. Bab ini bermula dengan menerangkan konteks umum isu yang ingin dikaji, diikuti oleh latar belakang yang memperincikan dapatan kajian lepas mengenai hubungan antara kosa kata, tata bahasa, kaedah pengajaran dan kemahiran menulis ayat. Pernyataan masalah pula menjelaskan kepentingan kajian dijalankan berasaskan hujah empirikal dan keperluan penyelidikan intervensi yang berfokus kepada homonim dan bahan bantu visual. Tujuan dan objektif kajian telah dirumuskan dengan jelas bagi menggambarkan arah penyelidikan, manakala persoalan kajian dirangka untuk menjawab isu teras berhubung tahap penguasaan murid dan keberkesanan intervensi. Seterusnya, kerangka teori dijelaskan melalui gabungan konstruktivisme sosial dan teori pembelajaran kosa kata, yang mengasaskan pemahaman mengenai bagaimana murid membina makna dan kemahiran menulis melalui bimbingan, visualisasi dan interaksi pembelajaran. Definisi operasional turut diberikan bagi memastikan setiap konsep utama ditakrif dalam konteks kajian, sebelum diikuti oleh



batasan kajian yang memperincikan skop, had dan implikasi terhadap generalisasi dapatan. Akhirnya, bab ini menutup perbincangan dengan menegaskan kepentingan kajian terhadap murid, guru, sekolah, agensi pendidikan dan perkembangan ilmu dalam bidang linguistik pendidikan. Bab seterusnya akan mengupas tinjauan literatur secara lebih mendalam bagi memperkukuh gambaran teori dan sorotan kajian yang berkaitan dengan topik penyelidikan ini.

